

Lari lintang-pukang nampak penguat kuasa

HM 24/03/24 ms 6

Jelebu: Dua lelaki tidak sempat membawa peralatan memamah ikan tradisional selepas lari lintang-pukang sebaik menyedari kehadiran penguat kuasa Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang melakukan pemantauan, kelmarin.

Memamah ikan antara aktiviti menangkap ikan yang dilarang di negeri ini selain tuba, renjatan elektrik, menembak dan mengebom.

Timbalan Pegawai Perikanan Darat (TPPD), Mohd Azhar Jusoh berkata, operasi dari jam 9.30 pagi dan berakhir jam 3 petang itu bertujuan memastikan segala bentuk larangan menangkap ikan secara salah dipatuhi.

Katanya sebaik tiba di Sungai Limau, Kenaboi dua lelaki melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pasukan penguatkuasa.

"Pemeriksaan menemui satu unit peralatan memamah ikan yang ditinggalkan di tepi sungai.

"Kita menyita peralatan itu selain membuat laporan di Balai Polis Kuala Klawang," katanya.

Mohd Azhar berkata pihaknya akan melakukan lebih banyak operasi selepas ini selepas mendapat aduan aktiviti menembak ikan banyak dilakukan pada waktu malam.

Katanya disebabkan ketika ini air sungai jernih, selain ikan banyak pada waktu malam, aktiviti terlarang itu mudah dijalankan pada hari malam selain ia tidak disedari orang ramai.

"Perbuatan memamah ikan boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1976, Negeri Sembilan dan jika didapati bersalah boleh didenda dan dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

"Orang ramai boleh menyalurkan maklumat berkaitan di Pejabat Perikanan berhampiran supaya tindakan susulan dapat diambil," katanya.



MOHD Azhar menunjukkan peralatan menangkap ikan yang ditemui di tepi Sungai Limau, Kenaboi.